

Bengkel Pembangunan Berterusan (CPD) : Bengkel Penggunaan Smartboard Kelas Hibrid SMK Taman Perumahan Bedaun



Labuan, 23 Mac 2023 (Khamis) – Seramai 33 orang guru SMK Taman Perumahan Bedaun telah menghadiri Bengkel Pembangunan Berterusan (CPD) Penggunaan Smartboard Kelas Hibrid yang diadakan di kelas 1 Alfa, SMK Taman Perumahan Bedaun.

Bengkel CPD ini telah disampaikan oleh Encik Suliman bin Milly. Melalui bengkel ini, Encik Suliman telah memberi taklimat secara terperinci mengenai penggunaan smartboard kelas hibrid bagi memastikan kelancaran sepanjang waktu sesi PdP para guru.

Bengkel ini telah diadakan kerana wujudnya kelas hibrid

yang menggunakan *smartboard* atau papan putih interaktif elektronik menggantikan papan putih dalam sesi PdP di kelas. Oleh itu, objektif utama bengkel ini diadakan bertujuan untuk mendedahkan para guru mengenai penggunaan *smartboard* dan fungsi-fungsi yang boleh digunakan yang mana dapat memudahkan dan membantu dalam sesi PdP.

Terdapat beberapa kelas di SMK Taman Perumahan Bedaun telah dijadikan kelas hibrid. Beberapa kelas yang terlibat seperti kelas 1 Alfa, 2 Alfa, 3 Alfa, 4 Alfa dan 5 Alfa. Kelas-kelas hibrid ini telah menggunakan *smartboard* menggantikan papan putih biasa.



Encik Suliman memberi penerangan mengenai penggunaan Smartboard kepada warga guru SMK Taman Perumahan Bedaun. *Smartboard* atau papan putih interaktif elektronik ini merupakan teknologi yang menggabungkan penggunaan telefon pintar, komputer dan juga projector (*whiteboard*). Oleh itu, memudahkan para guru boleh memaparkan bahan PdP di permukaan *smartboard* yang sensitif terhadap sentuhan.

Berdasarkan taklimat Encik Suliman, dengan papan putih pada *smartboard* ini para guru boleh menulis seperti pada papan putih biasa malahan dengan pelbagai fungsi yang

lebih canggih dan menarik.

Papan putih tersebut turut didatangkan dengan sokongan multi-touch yang membolehkan para pengguna menggunakannya dengan menyentuh menggunakan dua atau lebih lokasi pada satu masa.

Melalui bengkel penggunaan smartboard kelas hibrid ini pelbagai input dan tips yang berguna telah dikongsi supaya para guru dapat memanfaatkan kemudahan ini sebaik mungkin dan dapat melaksanakan sesi PdP dengan mudah, menarik dan berkesan.

Bukan itu sahaja, diharapkan dengan kewujudan kemudahan teknologi yang canggih ini dapat memberi pengalaman pembelajaran yang lebih menyeronokkan kepada murid-murid SMK Taman Perumahan Bedaun.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun, Puan Norazita Mohd Nor @ Shamsuri (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada Encik Suliman Milly (kanan).